

11/09/2000

Majlis Tertinggi bincang isu semasa

KUALA LUMPUR, Ahad - Mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di sini esok dijangka membincangkan pelbagai isu semasa termasuk yang berkaitan hak keistimewaan orang Melayu yang mencetuskan kontroversi, baru-baru ini.

Sumber berkata, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan mempengerusikan mesyuarat itu dijangka turut menerangkan mengenai hasil lawatannya ke luar negara baru-baru ini.

Turut dalam agenda ialah perbincangan mengenai meminda perlembagaan Umno bagi melicinkan lagi pentadbiran parti sebelum dibentangkan di perhimpunan agung khas November ini.

Mesyuarat MT itu dijadual diadakan di ibu pejabat Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini bermula pada kira-kira jam 2.30 petang.

Umno, sebagai parti tulang belakang Barisan Nasional (BN) dijangka membincangkan dengan mendalam isu hak keistimewaan orang Melayu sebelum mengeluarkan kenyataan mengenai pendiriannya.

(END)